

# **MENCEGAH RASUAH: PENDEKATAN INTEGRITI DAN**

## **TADBIR URUS YANG BERKESAN**

### **A. PENGENALAN**

1. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen yang berasaskan kepada Sistem Raja Berperlembagaan<sup>1</sup> di mana Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong merupakan Ketua Negara. Di bawah Sistem Demokrasi Berparlimen, Pentadbiran Negara Malaysia terbahagi kepada tiga (3) cabang utama iaitu Perundangan, Kehakiman dan Pentadbiran atau Eksekutif<sup>2</sup>. Ketiga-tiga cabang kerajaan ini telah turut sama menangani amalan rasuah semenjak sebelum merdeka. Badan Perundangan (Parlimen) telah menggubal pelbagai undang-undang dan Peraturan menangani amalan rasuah. Badan Kehakiman telah membicarakan pelbagai tuduhan melibatkan kesalahan rasuah. Badan Eksekutif tidak pernah sunyi daripada menguatkuasakan perundangan menentang rasuah.

---

<sup>1</sup> Sistem Raja Berperlembagaan. Laman Web Rasmi Istana Negara Kuala Lumpur. [http://www.istananegara.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=68&Itemid=609](http://www.istananegara.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=68&Itemid=609). 10 September 2019.

<sup>2</sup> Anon. Sistem Persekutuan Malaysia. Laman Web Rasmi Parlimen Malaysia. [https://www.parlimen.gov.my/index.php?modload=content&action=003&id=5&view=23&uweb=p&\\_print=true](https://www.parlimen.gov.my/index.php?modload=content&action=003&id=5&view=23&uweb=p&_print=true). 15 September 2019.

## B. KAJIAN KEPUSTAKAAN:

### ***Gejala Rasuah***

2. Rasuah merupakan suatu gejala sosial yang diwarisi hampir dalam setiap masyarakat sejak daripada mula peradaban. Ia merupakan suatu amalan yang universal tanpa batasan sempadan, negara, bangsa, kaum atau adat. Antara punca-punca kenapa amalan rasuah boleh berlaku adalah disebabkan sifat tamak haloba, integriti rendah, kelemahan tadbir urus, kelemahan dalam penguatkuasaan dan tarikan untuk mencapai kekayaan dan kesenangan dengan cepat dan mudah melalui jawatan dan kuasa yang dimiliki.
  
3. Perubahan semasa di seluruh dunia juga memperlihatkan kesedaran global untuk memerangi rasuah dengan termeterainya “***United Nation Convention Against Corruption*** (UNCAC) yang dimeteraikan pada tahun 2003. Konvensyen ini merupakan manifestasi di peringkat global yang menolak dan menuntut setiap negara pejanji yang meratifikasi Konvensyen ini untuk memerangi rasuah di negara masing-masing dengan menerima pakai pendekatan-pendekatan yang dipersetujui dalam Konvensyen tersebut. Malaysia merupakan salah sebuah negara pejanji kepada konvensyen tersebut.

### **Takrifan Rasuah**

4. Perkataan rasuah berasal daripada perkataan Arab “*al-risywah*”<sup>3</sup>. Di dalam al-Quran, rasuah digolongkan dalam kata umum batil, iaitu meliputi juga perkataan jenayah lain seperti merompak, menipu dan memeras ugut. Di Malaysia, dari segi undang-undang semua perkataan “memberi dan menerima suapan” adalah sebahagian daripada perbuatan dan kesalahan jenayah rasuah. Rasuah merupakan suatu jenayah atau kesalahan mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
5. Di bawah perundangan Malaysia berhubung pencegahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) [Akta 694], terdapat empat kategori perlakuan yang terjumlah kepada kesalahan rasuah yang utama:
  - (a) meminta atau menerima rasuah iaitu kesalahan di bawah seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009;
  - (b) menawar atau memberi rasuah iaitu kesalahan di bawah seksyen 17(b) Akta SPRM 2009;

---

<sup>3</sup> Al Kafi li al-Fatawi. Memahami Makna Rasuah. Al-Kafi #1237: Rasuah Sudah Menjadi Budaya Rakyat Malaysia? Artikel. Laman Sesawang Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan.

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3339-al-kafi-1237-rasuah-sudah-menjadi-budaya-rakyat-malaysia>

- (c) membuat tuntutan palsu iaitu kesalahan di bawah seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 ; dan
  - (d) menyalah guna jawatan atau kedudukan untuk suapan pegawai badan awam iaitu kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.
6. Berdasarkan kepada takrifan ‘*rasuah*’ bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, sebarang perbuatan menerima atau memberi suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi adalah terjumlah kepada perbuatan rasuah. Suapan boleh terdiri tetapi tidak terhad kepada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah atau diskaun<sup>4</sup>.

### ***Punca Amalan Rasuah***

7. Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, antara punca-punca berlakunya rasuah ialah

#### **(a) Kelemahan Peribadi**

---

<sup>4</sup> Anon. Apa itu Rasuah? Kenali Rasuah. Pendidikan. Laman Sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. <https://www.sprm.gov.my/index.php/pendidikan/kenali-rasuah> . 20 September 2019.

Rasuah adalah dilarang oleh mana-mana agama dan undang-undang, tetapi dilakukan juga dengan seribu satu alasan peribadi. Hal ini termasuk dalam teori “*Technique of Neutralization*” oleh Grisham Sykes dan David Matza. Mereka mengatakan, “Lakukan rasuah secara rahsia asalkan tiada siapa yang tahu”. Sikap mahu hidup mewah, riak, menunjuk-nunjuk, tamak, ingin cepat kaya dan sebagainya adalah pendorong berlakunya rasuah bagi mereka yang lemah keperibadiannya. Dari sudut agama Islam, ia merujuk kepada lemahnya iman dan takwa dalam diri seseorang Muslim yang menjadi punca utama mengapa seseorang Muslim boleh terjebak dengan amalan rasuah.<sup>5</sup>

**(b) Kelemahan Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi.**

Kepimpinan yang lemah seperti kurang penyeliaan, tiada pemantauan, tidak efisyen dan gagal mematuhi prosidur-prosidur yang telah ditetapkan sering mendedah sesuatu organisasi terdedah kepada penyelewengan dan berakhir dengan rasuah. Amalan pilih kasih, pilih parti dan apa juu pertimbangan yang bertentangan dan amalan tadbir urus bersih, telus dan berintegriti akan hanya menjurus kepada kegagalan dalam sistem penyampaian oleh kerajaan sehingga amalan rasuah akan bermaharajalela.

---

<sup>5</sup> <http://perpustakaanjbpmp.blogspot.com:gejala-rasuah-dan-kesannya.html>, Julai 2012

### **(c) Sosial dan budaya**

Masyarakat majmuk di Malaysia mengamalkan tradisi memberi hadiah dalam bentuk wang dan kebendaan sempena menyambut hari-hari kebesaran, hari perayaan, majlis hari jadi, hari perkahwinan dan sebagainya. Hari yang baik ini memberi kesempatan kepada perasuh dan penerima rasuah melakukan rasuah sama ada diminta, disogok atau diumpan tanpa disedari.<sup>6</sup> Ia adalah suatu budaya yang jelek di mata masyarakat tetapi tiada siapa yang berani atau bersedia untuk menegur dan memperbetulkan keadaan. Dengan demikian, dalam masyarakat pelbagai bangsa, kaum dan budaya, perbuatan rasuah boleh berlaku sama ada secara sedar atau tidak sedar kerana faktor amalan budaya atau adat.

### **(d) Persaingan**

Pembangunan sosial ekonomi yang tidak diseimbangkan dengan pembangunan kerohanian akan memudahkan terjadinya rasuah. Di tengah keghairahan membangunkan negara menerusi pelbagai projek pembangunan yang bercambah seperti cendawan tumbuh, terdapat

---

<sup>6</sup> Pusat Pembelajaran Terengganu, Open University Malaysia, Fakulti Pendidikan dan Bahasa: Professional Ethics, Mei 2013

pihak yang bersedia untuk mengambil kesempatan mendapatkan tender. Mereka sanggup memberi atau menawarkan saguhati atau habuan kepada pegawai atau pihak pengurusan atau membuat keputusan untuk mendapatkan tender. Rasuah diberikan sebagai jalan pintas untuk mendapatkan tender, mempercepatkan bayaran, melepaskan hukuman atau tindakan jika gagal atau lambat menyiapkan projek dan sebagainya.<sup>7</sup>

#### **(e) Politik**

Rasuah berkaitan dengan kuasa politik merupakan amalan klasik yang tidak dapat dipisahkan dalam persaingan mendapatkan kuasa. Rasuah mudah bermaharajalela di atas nama politik sehingga ia dianggap sebagai pelaris bagi mendapatkan sokongan dan undi dan dirujuk sebagai politik wang.

#### ***Kesan dan Akibat Amalan Rasuah***

8. Gejala rasuah sememangnya akan meninggalkan pelbagai implikasi terhadap pelbagai pihak. fungsi dan perjalanan sesuatu organisasi strategik kerajaan yang telah dikuasai oleh gejala rasuah akan mengalami ketirisan

---

<sup>7</sup> <https://www.slideshare.net/Nurullbrahim1/19783285-gejalarasuah>

dan akhirnya akan membawa kepada kegagalan dalam sistem penyampaiannya. Pertimbangan dan keputusan tidak lagi dibuat berdasarkan kepada pertimbangan kepentingan dasar dan perancangan yang telah ditetapkan tetapi sebaliknya kepada kepentingan keuntungan hasrat mereka yang telah mengambil kesempatan menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka demi kepentingan kewangan peribadi dan kedudukan mereka.

9. Tindakan dan keputusan mereka akan menjadi di luar jangkaan dan jauh terpesong daripada pertimbangan amalan yang wajar, berintegriti dan kebertanggungjawaban mereka selaras dengan amalan-amalan yang telah ditetapkan. Ia berakhir dengan penghakisan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan dan pemimpin yang memerintah sehingga rakyat sanggup menukar kerajaan yang telah memerintah melebihi 61 tahun dengan kerajaan yang lain.
10. Permasalahan asas yang dihadapi oleh rakyat seperti membasmi kemiskinan akan terus gagal dilaksanakan kerana sumber-sumber yang telah ditetapkan bagi membantu rakyat miskin diselewengkan. Pentadbiran kerajaan akan dilihat sebagai penuh dengan kelemahan apabila rasuah bermaharajalela, ketirisan hasil mampu berlaku di mana kerajaan akan kehilangan atau kerugian hasil pendapatan akibat amalan rasuah. Kesan rasuah boleh turut dirasai dari aspek keselamatan negara di mana kemasukan warga asing secara tidak sah atau memperoleh

kewarganegaraan tanpa mematuhi syarat-syarat dan saluran yang sah akan berlaku sebagaimana yang didedahkan di dada akhbar semenjak akhir-akhir ini.

11. Kumpulan sasar subsidi kerajaan juga boleh terkesan di mana ia akan dengan mudahnya terpesong dan dinikmati oleh mereka yang tidak layak kerana pegawai yang mengawal pengagihannya sanggup mengambil rasuah. Contoh-contoh ini akan akhirnya menghancurkan dan meruntuhkan sebuah pentadbiran dan pemerintahan yang dahulunya sangat berjaya dan berkesan dalam sesebuah negara.

### C. INFO RASUAH

12. Amalan rasuah tidak berlaku hanya dalam sektor awam tetapi juga di sektor swasta. Amalan rasuah adalah amat buruk kerana ia boleh menjelaskan kestabilan politik, merosakkan ekonomi dan perpaduan rakyat dalam sesebuah negara. Pelbagai usaha dan pendekatan telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi permasalahan ini demi memastikan agar negara bebas dari gejala rasuah di samping memastikan imej dan darjat negara sentiasa dipandang tinggi dan dihormati.

13. Perkhidmatan Awam di Malaysia merangkumi hampir 1.7 juta orang<sup>8</sup> penjawat awam yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk Malaysia yang dianggarkan seramai 32.6 juta orang<sup>8</sup>.

TAHUN	KAKITANGAN AWAM	BUKAN KAKITANGAN AWAM	JUMLAH
2018	418	476	894
2017	409	470	879

Jumlah Tangkapan Kes Rasuah Yang Melibatkan Kakitangan Awam dan Bukan Kakitangan Awam

oleh SPRM bagi Tahun 2017 dan 2018

14. Jadual diatas merupakan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk kes tangkapan kes rasuah yang melibatkan kakitangan dan bukan kakitangan awam bagi tahun 2017 dan 2018. Statistik tersebut menunjukkan berlakunya peningkatan tangkapan bagi kedua-dua kes yang melibatkan kakitangan awam dan bukan kakitangan awam. Bilangan tangkapan terhadap kakitangan awam telah meningkat daripada sebanyak 409 kes pada tahun 2017 kepada 418 dalam tahun 2018 manakala bagi kes tangkapan terhadap bukan kakitangan awam turut meningkat dari sebanyak 470 kes pada tahun 2017 kepada 476 kes pada

---

<sup>8</sup>Laman Sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.permohonan.my/jumlah-penduduk-malaysia-terkini/> 16 September 2019.

tahun 2018. Berikut adalah pecahan statistik tangkapan yang melibatkan penkhidmat awam bagi tahun 2018:

### **STATISTIK TANGKAPAN PEKHIDMAT AWAM TAHUN 2018<sup>9</sup>**

BULAN	KATEGORI KUMPULAN PERKHIDMATAN			JUMLAH
	PENGURUSAN TERTINGGI	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	SOKONGAN	
Januari	0	14	13	27
Februari	0	5	16	21
Mac	0	1	14	15
April	0	38	26	64
Mei	0	5	2	7
Jun	0	9	3	12
Julai	0	7	37	44

---

<sup>9</sup> <http://www.sprm.gov.my/index.php/penguatkuasaan/statistik-operasi/statistik-tangkapan?id=1435> . 16 September 2019.

Ogos	2	14	48	64
September	0	17	51	68
Oktober	10	17	49	76
November	1	4	13	18
Disember	0	1	1	2
JUMLAH	13	132	273	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>418</b>

Jumlah Tangkapan Kes Rasuah Yang Melibatkan Pekhidmat Awam oleh SPRM bagi Tahun 2018

15. Statistik di bawah pula merupakan tangkapan oleh SPRM terhadap bukan kakitangan awam bagi tahun 2018.

#### **STATISTIK TANGKAPAN BUKAN KAKITANGAN AWAM TAHUN 2018<sup>10</sup>**

BULAN	KATEGORI KUMPULAN BUKAN KAKITANGAN AWAM	JUMLAH

<sup>10</sup> Ibid.

	<b>SWASTA</b>	<b>ORANG AWAM</b>	<b>LAIN-LAIN</b>	
Januari	29	25	8	62
Februari	13	18	3	34
Mac	17	24	2	43
April	6	52	0	58
Mei	0	3	0	3
Jun	6	12	1	19
Julai	32	21	3	56
Ogos	17	26	8	51
September	14	21	4	39
Oktober	35	12	11	58
November	9	19	6	34
Disember	8	7	4	19
JUMLAH	186	240	50	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>476</b>

Jumlah Tangkapan Kes Rasuah Yang Melibatkan Bukan Kakitangan Awam oleh SPRM bagi Tahun 2018

**D. LAPORAN PERSEPSI RASUAH OLEH TRANSPARENCY INTERNATIONAL**

16. Laporan persepsi rasuah oleh Transparency International pada tahun 2005 melaporkan bahawa Malaysia telah jatuh 16 tangga dalam tempoh 10 tahun iaitu dari kedudukan ke 23 pada tahun 1995 ke kedudukan ke 39 pada tahun 2004. Pada tahun 2018, Malaysia jatuh ke kedudukan 47, pada tahun 2016 di tempat ke 49 dan pada tahun 2015 di tempat 50 serta kini di tempat ke 61 setakat tahun 2019<sup>11</sup>. Menyedari akan keadaan yang begitu teruk, maka tidak hairanlah pihak Kerajaan Malaysia telah bergerak ke hadapan dalam usaha membasmi peningkatan kadar gejala rasuah di negara ini.

**E. SIGNIFIKAN PRU KE 14**

17. Pada tarikh 9 Mei 2018, landskap pentadbiran negara telah bertukar daripada pemerintahan di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah negara hampir 61 tahun kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Pertukaran kerajaan yang memerintah ekoran keputusan PRU14 amat signifikan kerana parti politik pembangkang iaitu Pakatan Harapan telah membentuk kerajaan baharu yang mentadbir Malaysia untuk penggal ke 14 selama 5 tahun. Kerajaan baharu ini juga dikenali dengan nama jolokan ‘Kerajaan Malaysia Baharu’. Antara manifesto yang diperjuangkan oleh

---

<sup>11</sup> Corruption Perceptions Index 2019 – Corruption Perceptions Index. Transparency International 2019. <https://www.transparency.org/cpi2018>. 19 September 2019.

Kerajaan Malaysia Baharu ialah menentang amalan rasuah yang diamalkan oleh kerajaan pimpinan Barisan Nasional yang juga terkenal dengan tuduhan ‘kerajaan kleptokrasi’ yang terbesar di dunia iaitu pada skala yang tidak pernah dapat dibayangkan dilakukan oleh mana-mana kerajaan didunia dan pemimpin-pemimpin politik dan mereka yang didapati bersubahat menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka melakukan kesalahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa tersebut.

18. Persoalannya ialah adakah kerajaan BN yang memegang tumpuk pemerintahan di Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia selama 61 tahun telah gagal membanteras rasuah atau telah tidak melaksanakan tindakan-tindakan afirmatif yang mencukupi untuk membanteras, menangani dan menguatkuasakan undang-undang terhadap amalan rasuah?
19. Adakah langkah-langkah pembetulan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan atau ‘Malaysia Baharu’ mampu untuk menghentikan dan membersihkan Malaysia daripada gejala rasuah yang berleluasa terutamanya legasi yang ditinggalkan oleh kerajaan BN yang turut dicap sebagai kerajaan kleptokrat yang terbesar di dunia?

## **F. PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA OLEH KERAJAAN TERDAHULU**

20. Malaysia merupakan salah sebuah negara membangun yang telah berjaya membangunkan ekonomi, sosial, politik, dan pentadbirannya dengan begitu pesat. Kekayaan sumber semulajadi, tenaga buruh yang cekap dan separuh cekap yang murah dan usaha gigih oleh pemimpin-pemimpin yang cekap membolehkan Malaysia membangun mengikut acuannya sendiri.
21. Sejak dari awal Malaysia mencapai kemerdekaan, Kerajaan telah mengenal pasti bahawa rasuah adalah merupakan suatu ancaman yang nyata kepada negara. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pendekatan selepas mencapai kemerdekaan dalam memastikan keberkesanan pembangunan negara tidak terjejas akibat amalan rasuah. Ia dapat dilihat melalui beberapa dasar kerajaan yang khusus bagi menanam dan menyemai nilai-nilai murni dalam jentera pentadbiran kerajaan, penubuhan badan-badan khusus bagi meningkatkan integriti dan memantau, membanteras dan menguatkuasakan perundangan memerangi amalan rasuah dalam sistem penyampaian kerajaan dan menggubal serta menguatkuasakan perundangan yang khusus bagi memerangi rasuah.
22. Pelbagai kempen diperkenalkan oleh Y.A.B. Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad pada 19 Mac 1983 menerusi kempen 'Kepimpinan Melalui

Teladan’<sup>12</sup> dan pada pertengahan April 1982, beliau telah melancarkan kempen ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ sebagai satu dasar yang menjadi amalan kepada semua penjawat awam yang khususnya dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan mengamalkannya.

23. Kempen-kempen ini adalah bagi memastikan supaya seluruh warga dalam perkhidmatan awam benar-benar memberikan perkhidmatan yang terbaik yang wajar ditauladani dan sentiasa mengutamakan penekan bahawa perkhidmatan yang disampaikan hendaklah dilaksanakan dengan bersih dari segala salah laku dan rasuah, penuh kecekapan dengan mengembelengkan segala sumber yang telah diperuntukkan dan disampaikan dengan memenuhi amanah yang telah ditentukan oleh rakyat yang telah memilih kerajaan dalam pilihanray umum yang membentuk kerajaan.
24. Berikut disenaraikan pelbagai langkah yang telah diambil oleh kerajaan ketika di bawah teraju ‘Kerajaan Barisan Nasional’ untuk memerangi rasuah sebelum Pilihanraya Umum ke 14:

**(a) Unit Pencegahan Rasuah**

---

<sup>12</sup> Kepimpinan Melalui Teladan. Bersih, Cekap dan Amanah Laman Sesawang 1Klik.  
<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/236-bersih-cekap-dan-amanah.html>. 6 Disember 2016

Pendekatan awal yang dijalankan oleh Kerajaan adalah melalui penubuhan sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menjalankan aktiviti pencegahan rasuah melalui ceramah dan dialog pada tahun 1959 oleh sebuah unit dikenali sebagai ‘Unit Pencegah Rasuah’. Tanggungjawab siasatan kes rasuah dijalankan oleh ‘Cawangan *Special Crime*’ yang diletakkan di bawah Jabatan Polis, sementara proses pendakwaan dikendalikan oleh Bahagian Pendakwaan, Kementerian Undang-Undang;

**(b) Badan Pencegah Rasuah (BPR)**

Pada 1 Oktober 1967, ketiga-tiga entiti yang menjalankan tugas mengekang amalan rasuah iaitu Unit Pencegahan Rasuah Jabatan Perdana Menteri, Cawangan *Special Crime* Jabatan Polis dan Bahagian Pendakwaan Kementerian Undang-Undang telah digabungkan menjadi Badan Pencegah Rasuah (BPR) agar pelaksanaan tugas menjadi lebih kemas dan teratur sebagai satu entiti khusus yang menjalankan tugas pencegahan dan penguatkuasaan terhadap amalan rasuah di Malaysia;

**(c) Biro Siasatan Negara**

Pada tarikh 17 Julai 1973, Badan Pencegah Rasuah (BPR) kemudiannya ditukar namanya kepada Biro Siasatan Negara melalui kelulusan pembentangan Rang Undang-undang Penubuhan Biro Siasatan Negara (BSN) yang telah diluluskan sebulat suara oleh Dewan Rakyat. Biro ini ditubuhkan dengan harapan dapat memainkan peranan lebih berkesan ke arah menghapuskan rasuah dan jenayah di negara ini. Menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Tuan Ali Haji Ahmad, BSN tidak akan dikongkong oleh mana-mana pihak dan mendapat kebebasan sepenuhnya dalam menjalankan tugas-tugas tanpa sebarang campur tangan dari kerajaan atau mana-mana pihak yang tidak berkenaan. Biro ini akan memainkan peranan yang meluas, bukan sekadar mengawasi kegiatan rasuah di kalangan kerajaan tetapi juga badan-badan berkanun, swasta dan kontraktor-kontraktor. Penubuhan biro ini diharap dapat mengekang kegiatan tidak sihat yang menular dalam negara ini, dalam usaha menjaga kepentingan dan keharmonian rakyat<sup>19</sup>;

**(d) Badan Pencegah Rasuah**

Pada tarikh 13 Mei 1982 Badan Pencegah Rasuah diwujudkan kembali melalui pembentangan Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 [Akta 123] yang diluluskan oleh Parlimen dan dikuatkuasakan dengan objektif penting untuk mencerminkan dengan lebih tepat lagi peranan Badan itu

sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan khusus untuk mencegah perbuatan rasuah;

**(e) Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 575]**

Pada 25 September 1997 Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 575] telah diwartakan sebagai undang-undang pencegahan rasuah bagi menggantikan Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 [Akta 123]. Dengan adanya Akta ini, BPR dijadikan sebagai suatu Jabatan khusus yang lebih tersusun dan urusan harian BPR dilaksanakan secara bebas dan berkecuali oleh pegawai-pegawaiannya di bawah pengawasan Ketua Pengarah tanpa campur tangan daripada mana-mana pihak. Pada ketika penubuhannya, BPR diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong di bawah Seksyen 3(2) Akta Pencegahan Rasuah, 1997 atas nasihat Perdana Menteri Malaysia dan beliau dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pengarah;

**(f) Pelan Integriti Nasional (PIN)**

Pelan Integriti Nasional ini telah dilancarkan pada 23 April 2004, oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk

membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Pelan Integriti Nasional adalah satu pelan atau rancangan yang dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia dengan fokus utamanya untuk menanam dan memupuk budaya etika dan integriti di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia. Pelan Integriti Nasional memastikan perlaksanaan apa jua program serta matlamat dicapai dengan baik serta beretika. Sebelum ini telah terdapat pelbagai usaha yang dilakukan, tetapi didapati usaha-usaha ini tidak tekal dan tidak menyeluruh dan hasilnya sebilangan besar usaha-usaha ini menemui kegagalan terutamanya dalam usaha mewujudkan sinergi semua sektor. Skop dan konsep yang dibawa oleh PIN kelihatannya lebih menyeluruh dan holistik dalam memberi panduan kepada setiap komponen masyarakat untuk membudayakan integriti;

**(g) Institut Integriti Malaysia**

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) ditubuhkan pada bulan April 2004 dengan objektif untuk menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN). Ia merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan perundingan mengenai integriti, anti-rasuah dan tadbir urus di Malaysia. Ia disasarkan sebagai

pencetus idea Pelan Integriti Nasional dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri Malaysia bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap keupayaan pentadbiran dan tadbir urus negara<sup>22</sup>. Penubuhan INTEGRITI oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi untuk menjadi sebuah negara bermasyarakat yang bermoral tinggi dan beretika pada tahun 2020 apabila beliau mengisyiharkan penggerak utama impian ini iaitu Pelan Integriti Nasional (PIN) pada 5 November 2003.

Penubuhan IIM bermula pada 1 November 2003, Perdana Menteri Kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan penubuhan Institut Etika Awam serta melaksanakan Pelan Kewibawaan Nasional ke arah menggalakkan urus tadbir yang berkesan, akauntabiliti serta kecekapan sektor awam dan swasta. Beliau mengumumkan demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet pertama setelah memegang jawatan Perdana Menteri di Putrajaya pada 31 Oktober 2003. Sehubungan itu, pada 23 April 2004, Dato' Seri Abdullah telah merasmikan penubuhan institusi etika yang dikenali sebagai Institut Integriti Malaysia (IIM). Kerajaan juga telah mengisyiharkan 5 November 2005, sebagai Hari Integriti Nasional dalam usaha membudayakan integriti, memupuk nilai-nilai murni sejagat serta memperteguhkan tadbir urus di kalangan masyarakat

**(h) Mahkamah Khas Rasuah**

'Mahkamah Khas Rasuah'<sup>23</sup> ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah rasuah khusus untuk mendengar dan membicarakan kes rasuah. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Seri Nazri Aziz, berkata penubuhan Mahkamah Khas Rasuah ini adalah petanda kesungguhan kerajaan memerangi rasuah dan. Mahkamah Khas Rasuah ini bertujuan menyelesaikan perbicaraan kes-kes kesalahan rasuah dengan lebih pantas dan licin tanpa terpaksa menunggu senarai giliran yang panjang.

**(i) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) [Akta 694]**

Pada 24 Februari 2009, Perdana Menteri YAB Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi melancarkan dengan rasminya penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) melalui penggubalan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 [Akta 694] dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009. Penubuhan SPRM adalah bagi menggantikan Badan Pencegah Rasuah Malaysia dengan hasrat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan mencegah

rasuah serta memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan SPRM dalam memerangi rasuah.

**(j) Pematuhan Penanda Aras Antarabangsa MS ISO 37001**

Di dalam memastikan wujudnya elemen positif dalam urusan membasmi ancaman rasuah, suatu penanda aras untuk diikuti oleh Malaysia selaras dengan proses dan protokol yang dilaksanakan oleh negara-negara di peringkat antarabangsa dengan mewujudkan suatu standard berhubung pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa telah guna pakai. Pada tahun 2013, Mesyuarat Badan Penetapan Standard Antarabangsa telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan Project Committee ISO (PC 278). Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar lebih daripada 50 buah negara dan organisasi antarabangsa dalam bidang pencegahan rasuah termasuk Malaysia telah bekerjasama untuk membangunkan ISO37001 Anti-Bribery Management System atau Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah. Pada bulan Oktober 2016, ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ISO 37001) telah dilancarkan. Bagi maksud pelaksanaan di Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah pada bulan Disember 2016 membuat permohonan kepada Jabatan Standard Malaysia (JSM) untuk mengiktiraf ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ISO 37001) sebagai standard untuk diterima pakai sebagai ‘Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah di Malaysia. Pada

bulan Oktober 2017, MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (MS ISO 37001) telah diterima pakai sebagai standard baru bagi pengurusan mencegah rasuah dikenali sebagai ‘Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah’.

Standard ini digunakan bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (stakeholders) bahawa mereka mempunyai amalan dan inisiatif anti-rasuah yang mencukupi dan dilaksanakan sebaiknya. Di bawah sistem ISO 37001 di peringkat antarabangsa atau MS ISO 37001 untuk Malaysia, ia merupakan sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang mungkin dihadapi oleh mana-mana organisasi.

#### **(k) Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0**

Program Transformasi Kerajaan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Ke 6 iaitu Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada bulan April 2009 bertujuan mentransformasi kerajaan serta meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia. Inisiatif ini mempunyai dua objektif utama bagi merealisasikan wawasan Perdana

Menteri selaras dengan konsep “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” iaitu:

- (a) menjadikan kerajaan sebuah entiti yang lebih efektif dan bertanggungjawab; dan
- (b) menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, bersatu-padu, selamat dan adil dengan kualiti yang tinggi untuk semua.

Melalui GTP 1.0, Kerajaan memperkenalkan 7 tonggak utama yang ditetapkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Tujuh NKRA berkenaan adalah:

- (i) Menangani Kos Sara Hidup Rakyat;
- (ii) Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah;
- (iii) Mempertingkatkan Infrastruktur Luar Bandar;
- (iv) Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar;
- (v) Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar;
- (vi) Inisiatif Membanteras Rasuah; dan

(vii) Mengurangkan Kadar Jenayah.

Usaha Kerajaan melalui ‘Inisiatif Membanteras Rasuah’ membawa hasil melalui pendekatan pencegahan dan tindakan penguatkuasaan. Menerusi GTP 1.0, pelbagai perundangan yang menarik perhatian telah digubal dan dikuatkuaskan iaitu Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]. Kesemua perundangan ini memberikan penekanan kepada aspek pencegahan terhadap amalan rasuah dan perlindungan kepada mereka yang tampil untuk membantu pihak berkuasa dengan melaporkan kegiatan dan perlakuan rasuah di dalam sesuatu organisasi sama ada dalam sektor awam atau pun swasta<sup>20</sup>; dan

#### **(I) Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0**

Walaupun pelbagai pendekatan dilakukan kerajaan dalam menangani masalah jenayah termasuk ancaman rasuah di peringkat awal, namun masih kurang berkesan dalam mengurangkan jenayah sehingga aspek jenayah perlu dijadikan antara bidang keutamaan dalam pembentukan Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Area* (NKRA) di bawah pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan atau Government Transformation Programme (GTP). Dengan demikian,

pada tahun 2012, Perdana Menteri Ke-6, Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak, telah melancarkan ‘Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0’.

## **G. KERAJAAN MALAYSIA BAHARU MEMBANTERAS RASUAH**

25. Sejak pertukaran tumpuk pemerintahan negara, pelbagai pendedahan demi pendedahan berhubung dengan salah laku, penyalahgunaan kuasa dan rasuah sama ada di peringkat dalam negara dan juga di luar negara telah dibuat dan disiasat. Berita tentang pendedahan, siasatan, pendakwaan dan perbicaraan yang berkaitan dengan kesalahan penyelewengan dana oleh ‘1Malaysia Development Berhad atau ‘1MDB’ sentiasa memenuhi ruang dada akhbar dan media sosial. Tambah malang lagi kerana kes-kes penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, rasuah, kronisme dan kleptokrasi melibatkan bekas pemimpin negara Kerajaan Barisan Nasional dan mereka yang berkaitan dengannya.
26. Keadaan ini sekali gus menimbulkan tandatanya, adakah segala langkah-langkah memerangi rasuah yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dahulu sebelum PRU14 masih tidak mencukupi atau mampu menanggani rasuah? Atau adakah amalan rasuah diperingkat tertinggi sesebuah pentadbiran adalah permulaan penamat yang menghakiskan kepercayaan dan sokongan rakyat terhadap Kerajaan yang korup tersebut? Sejarah keruntuhan kerajaan

yang korup merupakan pengakhiran pemerintahan dalam keadaan yang memalukan dan menyedihkan. Ini juga bermakna pelbagai perancangan, perlaksanaan pendekatan dan penubuhan segala entiti dan inisiatif untuk memerangi rasuah yang telah dilaksanakan dan slogan pemerintahan yang ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ yang dilaungangkan tidak membawa makna apa-apa sekiranya pemimpin itu sendiri tidak berpegang kepada prinsip untuk memerangi rasuah.

#### ***Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan***

27. Kerajaan Malaysia Baharu tidak menunggu lama untuk merealisasikan memenuhi manifesto mereka untuk membanteras rasuah khususnya menyiasat dan membawa ke muka pengadilan mereka yang terlibat dalam skandal ‘kepimpinan kleptokrasi yang dicap sebagai yang ‘terbesar di dunia’ dan pelbagai salah laku, penyalahgunaan kuasa, kegagalan tadbir urus dan perkhidmatan awam yang dikatakan terlalu tunduk kepada pemimpin politik yang korup. Sebagai permulaan, Kerajaan Malaysia Baharu telah menubuhkan suatu entiti baru dikenali sebagai ‘Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan’ atau *Government Integrity Anti Corruption Centre (GIACC)* pada 5 Oktober 2018.

#### ***Pelan Antirasuah Nasional***

28. Selaras dengan penubuhan ‘Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan’, YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke 7, telah melancarkan ‘Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023’. Ia bertujuan merealisasikan manifesto ke arah menjadikan Malaysia ‘negara bebas rasuah’ dan berintegriti dengan bertemakan ‘Memecah Rantaian Rasuah’.
29. Pelan ini dibangunkan khusus oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun. Pelan ini menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil oleh setiap agensi kerajaan dan swasta dalam menangani masalah rasuah, integriti serta tadbir urus dalam tempoh yang dinyatakan tersebut.
30. Pelan Antirasuah Nasional ini sendiri merupakan suatu peringatan dan amaran kepada semua pemimpin sekarang dan masa hadapan bahawa Malaysia dan rakyatnya tidak berkompromi dengan amalan rasuah yang merupakan suatu amalan keji dan menjijikkan dan bahawa tindakan memerangi berhabisan pelaku rasuah bukanlah perbuatan membala dendam atau prejudis tetapi sebagai sanksi penolakan rakyat Malaysia terhadap mereka yang mengamalkan rasuah.

31. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) pada 8 Jun 2019 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri telah memutuskan bahawa ‘Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023’ bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN). Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan berperanan melaksanakan inisiatif antirasuah negara di pelbagai peringkat pentadbiran Kerajaan termasuk di peringkat Parlimen, peringkat Khas Kabinet dan peringkat Operasi. Melalui pendekatan sebegini, Kerajaan baharu ini yakin akan mampu memberi tumpuan tugas berhubung membuat penilaian risiko rasuah, menetapkan keabsahan dasar dan penyelesaian, melaksanakan program dan aktiviti pemantauan dan membuat penilaian prestasi terhadap usaha pencegahan rasuah secara telus dan berkesan.
32. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Ia berperanan untuk menerima dan meneliti semua ‘Laporan Pemantauan’ dan ‘Penilaian Tahunan’ berhubung pelaksanaan Pelan Antirasuah Kebangsaan daripada GIACC. Ia akan menentukan keabsahan sesuatu dasar yang ditetapkan agar setiap keputusan yang diputuskan adalah selari dengan kepentingan nasional dan memastikan kaedah penyelesaian yang terbaik dapat dilaksanakan.
33. Parlimen Malaysia akan turut memainkan peranan yang besar dan terpenting dalam memastikan kejayaan inisiatif yang diambil. Ini adalah kerana

kesemua tindakan yang dilaksanakan akan dipusatkan ke Parlimen sebagai Institusi yang tertinggi dalam menjalankan tugas semak dan imbang dalam semua agensi kerajaan. Parlimen juga akan menjadi sumber rujukan ke atas aspek ketelusan kejayaan pelaksanaan inisiatif antirasuah negara.

34. Jawatankuasa Antirasuah akan menetapkan cadangan syor dasar untuk dilaksanakan dimana keputusan yang dibuat hendaklah selari dan selaras dengan kepentingan organisasi dan agensi di samping mengenal pasti dan mencadangkan syor cadangan penyelesaian yang terbaik. Penubuhan Jawatankuasa Antirasuah dapat dibahagikan kepada tiga (3) peringkat seperti berikut:
  - (i) Peringkat Kebangsaan  
Penubuhan Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara selaras dengan fungsi dan peranan mengetuai organisasi Kerajaan Pusat.
  - (ii) Peringkat Negeri  
Penubuhan Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing sesuai dengan fungsi dan peranan mengetuai organisasi Kerajaan Negeri.

(ii) Peringkat Agensi

Penubuhan Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Ketua Agensi Kerajaan Persekutuan atau Agensi Kerajaan Negeri masing-masing sesuai dengan fungsi dan peranan mengetuai organisasi.

35. Perubahan tampuk pemerintahan negara selama 61 tahun daripada Kerajaan Barisan Nasional kepada Kerajaan Pakatan Harapan adalah suatu manifestasi rakyat yang jelas yang antara lainnya menolak kepimpinan kerajaan kleptokrat. Setiap generasi dalam sesebuah negara akan dilihat sebagai penyambung warisan antara yang lama dan baharu. Perubahan pemilihan oleh rakyat Malaysia pada PRU14 adalah signifikan kerana ia dilihat sebagai kesediaan rakyat membuat pembaharuan dalam kepimpinan kerajaan bagi menerajui negara menjadi sebuah negara yang makmur, bersih dan maju.

## **PENUTUP**

36. Kerajaan Malaysia Baharu atau Pakatan Harapan telah mengambil pelbagai langkah menanggani antirasuah, mengembalikan persepsi rakyat dan negara yang antirasuah dan menukar persepsi negara luar yang melihat ke atas negara kita yang kini dimalukan dengan jolokan Kerajaan Kleptokrat yang terbesar di dunia.

37. Namun demikian segala langkah-langkah pembaharuan, inisiatif hanya dan masih diperingkat permulaan, perancangan dan akan melalui proses pelaksanaan pada setiap lapis proses dan operasi pentadbiran. Ia disasarkan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun iaitu dati tahun 2019-2023.
38. Adakah diakhir tempoh tersebut rakyat Malaysia akan masih lagi mengembalikan kuasa pemerintahan kepada Kerajaan Pakatan Harapan atau Kerajaan Malaysia Baharu ini dan sekaligus mengizinkan Kerajaan Malaysia Baharu ini membuktikan pencapaian yang berkesan dalam penangganan antirasuah di negara kita ke arah pembentukan negara Malaysia yang bebas rasuah.
39. Atau adakah Kerajaan Malaysia Baharu ini akan terjerumus dengan pelbagai konflik pegangan dan perjuangan dalaman di antara pemimpin-pemimpin parti komponen Kerajaan Pakatan Harapan sehingga menjurus kepada ketiadaan kata sepakat dalam penggubalan dasar yang akhirnya mengundang kepada penolakan oleh rakyat sedangkan pencapaian pendekatan ‘Pelan Antirasuah Nasional’ belum dapat dibuat penilaian yang konkret dan berkubur dan digantikan dengan dasar lain yang bakal diperkenalkan oleh kerajaan baharu yang dipilih oleh rakyat pada PRU15?
40. Rakyat sudah bersuara, kini giliran kerajaan yang memerintah mengotakkan janji dan rakyat terpelihara. Rakyat sedang menilai.

## **RUJUKAN**

1. Sistem Raja Berperlembagaan. Laman Web Rasmi Istama Negara Kuala Lumpur.[http://www.istananegara.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=a rticle&id=68&Itemid=609](http://www.istananegara.gov.my/index.php?option=com_content&view=a rticle&id=68&Itemid=609) . 10 September 2019.
2. Sistem Persekutuan Malaysia. Laman Web Rasmi Parlimen Malaysia. [https://www.parlimen.gov.my/index.php?modload=content&action=003&id=5&vie w=23&uweb=p&\\_print=true](https://www.parlimen.gov.my/index.php?modload=content&action=003&id=5&vie w=23&uweb=p&_print=true). 15 September 2019.
3. Al Kafi li al-Fatawi. Memahami Makna Rasuah. Al-Kafi #1237: Rasuah Sudah Menjadi Budaya Rakyat Malaysia? Artikel. Laman Sesawang Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3339-al-kafi-1237-rasuah-sudah-menjadi-budaya-rakyat-malaysia>.
4. Apa itu Rasuah? Kenali Rasuah. Pendidikan. Laman Sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. <https://www.sprm.gov.my/index.php/pendidikan/kenali-rasuah>. 20 September 2019.
5. <http://perpustakaanj bpm.blogspot.com:gejala-rasuah-dan-kesannya.html>, Julai 2012.
6. Pusat Pembelajaran Terengganu, Open University Malaysia, Fakulti Pendidikan dan Bahasa: Professional Ethics, Mei 2013.
7. <https://www.slideshare.net/Nurullbrahim1/19783285-gejalarasuah>.
8. Laman Sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.permohonan.my/jumlah-penduduk-malaysia-terkini/> 16 September 2019.
9. <http://www.sprm.gov.my/index.php/penguatkuasaan/statistik-operasi/statistik-tangkapan?id=1435> . 16 September 2019.

10. Corruption Perceptions Index 2019 – Corruption Perceptions Index. Transparency International 2019. <https://www.transparency.org/cpi2018>. 19 September 2019.
11. Corruption Perceptions Index 2019 – Corruption Perceptions Index. Transparency International 2019. <https://www.transparency.org/cpi2018>. 19 September 2019.
12. Kepimpinan Melalui Teladan. Bersih, Cekap dan Amanah Laman Sesawang 1Klik. <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/236-bersih-cekap-dan-amanah.html>. 6 Disember 2016